



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“KEAMANAN NEGARA: TUNTUTAN MAQASID SYARIAH”

27 Mac 2026 / 7 Syawal 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ عَلَى الْفِطْرَةِ السَّلِيمَةِ، وَجَعَلَ فِي قَلْبِهِ حُبَّ الطَّمَأْنِينَةِ وَالسَّكِينَةِ، وَنُفُورًا مِنَ الْخَوْفِ وَالْإِضْطِرَابِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، جَعَلَ الْأَمْنَ نِعْمَةً عَظِيمَةً وَرُكْنًا مِنْ أَرْكَانِ اسْتِقْرَارِ الْحَيَاةِ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، الَّذِي جَاءَ بِدِينٍ يَدْعُو إِلَى السَّلَامِ وَالْأَمَانِ، وَيَنْهَى عَنِ الْفَسَادِ وَالْعُدْوَانِ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ²، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى أَصْحَابِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ³ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَاعْلَمُوا أَنَّ مِنْ أَعْظَمِ مَا فَطَرَ اللَّهُ عَلَيْهِ عِبَادَهُ حُبَّ الْأَمْنِ وَالطَّمَأْنِينَةِ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mengerjakan setiap perintah serta menjauhi segala larangan Nya. Sesungguhnya keikhlasan hati dalam beribadah menjadi ukuran kemuliaan dan ketakwaan seseorang insan. Bersempena sambutan hari Polis Diraja Malaysia (PDRM) kali ke-219 pada 25hb Mac, mimbar mengajak ummah untuk menghayati khutbah bertajuk:

“KEAMANAN NEGARA: TUNTUTAN MAQASID SYARIAH”

Secara fitrah, manusia mahukan kehidupan yang aman dan selamat. Keamanan dan keselamatan merupakan asas kehidupan yang sejahtera, bahkan merupakan fitrah manusiawi, dianugerahkan oleh Allah SWT. Fitrah manusiawi, tidak mahu hidup dalam suasana huru-hara, ketakutan dan keganasan. Allah SWT menyebut nikmat keamanan sebagai satu anugerah besar kepada manusia melalui firman Nya:

﴿الَّذِي أَطْعَمَهُمْ مِنْ جُوعٍ وَءَامَنَهُمْ مِنْ خَوْفٍ﴾

¹ Memuji Allah SWT

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Takwa

Bermaksud: "Tuhan yang memberi mereka penghidupan, menyelamatkan mereka daripada kelaparan dan mengamankan mereka daripada ketakutan."

(Surah Quraisy ayat 4)

Ayat 4 surah Quraisy, menyatakan bahawa keamanan merupakan nikmat besar yang seiring dengan nikmat rezeki. Tanpa keamanan, manusia tidak berupaya menjalani kehidupan dalam ketenangan; ibadah tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna, ekonomi tidak akan berkembang, ilmu tidak akan bercambah dan masyarakat tidak dapat hidup secara harmoni.

Keamanan bukan sahaja merupakan fitrah manusiawi, bahkan merupakan tuntutan syariat Islam. Para ulama menghuraikan bahawa syariat Islam diturunkan untuk memelihara kemaslahatan manusia melalui konsep maqasid syariah. Maqasid syariah bermaksud matlamat yang dikehendaki oleh Allah SWT. Para ulama merumuskan lima maqasid atau matlamat utama yang wajib dipelihara, ialah agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Lima maqasid ini tidak dapat dipelihara tanpa adanya keamanan. Jika keamanan tergugat, agama tidak dapat dijaga, nyawa manusia akan terancam, akal manusia sukar berkembang, keturunan tidak terpelihara dan harta benda akan musnah. Betapa besarnya nikmat keamanan dalam kehidupan manusia, diperingatkan melalui sabda Rasulullah SAW:

مَنْ أَصْبَحَ مِنْكُمْ آمِنًا فِي سِرِّهِ، مُعَافًى فِي جَسَدِهِ، عِنْدَهُ قُوَّةٌ يَوْمِهِ، فَكَأَنَّمَا حِيزَتْ لَهُ
الدُّنْيَا

Maksudnya: "Sesiapa yang pada waktu paginya berada dalam keadaan aman di tempat tinggalnya, sihat tubuh badannya, dan memiliki makanan untuk hari itu, maka seolah-olah telah dihimpunkan baginya seluruh dunia." (Riwayat al-Tirmizi)

Jemaah yang dilimpahi rahmat Ilahi

Sedarilah! Keamanan tidak datang secara tersendiri, ibarat bulat datang bergolek, pipis datang melayang. Keamanan hanya tercapai menerusi usaha, kerjasama dan pengorbanan daripada pelbagai pihak. Dalam negara kita,



tanggungjawab besar memulihara keamanan diamanahkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Anggota Polis Diraja Malaysia berperanan utama untuk menjaga keamanan, ketenteraman awam dan keselamatan negara, berlandaskan undang-undang demi memastikan negara dan rakyat berada dalam suasana aman, tenteram dan selamat. Anggota polis diamanahkan dengan tanggungjawab untuk mencegah dan membanteras jenayah, melindungi keselamatan rakyat, menyiasat jenayah, merisik ancaman, menangkap pesalah, menangani keganasan, juga mengurus dan memastikan kelancaran lalu lintas, serta mengawal keselamatan di sempadan perairan dan daratan negara.

Profesion polis memerlukan semangat pengorbanan yang tinggi daripada anggotanya. Pengorbanan anggota polis dalam menjunjung amanah dan memenuhi tanggungjawab mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara amat besar, merangkumi kesediaan menempuh ancaman dan bahaya, hatta ke peringkat bertaruh nyawa; termasuk pengorbanan yang perlu dilakukan oleh ahli keluarga. Ramai anggota polis yang menghadapi kecacatan kekal, kehilangan anggota semasa menjalankan tugas, ramai pula yang terkorban kehilangan nyawa, meninggalkan isteri menjadi balu dan anak-anak menjadi yatim.

Kemalangan jalan raya di Jalan Chikus - Sungai Lampam pada pagi 13 Mei 2025, yang mengakibatkan sembilan orang anggota Pasukan Simpanan Persekutuan maut dan sembilan lagi cedera parah, merupakan contoh peristiwa menyayat hati yang dialami oleh anggota polis dan keluarga mereka.

Tugas anggota polis tidak mengenal tempat dan masa. Mereka diperlukan bertugas 24 jam sehari semalam, di serata tempat; dipertanggungjawabkan untuk memantau setiap kejadian dan peristiwa yang berlaku. Ketika majoriti kita menikmati juadah bersahur dan berbuka puasa di rumah bersama kaum keluarga, ramai anggota polis yang diperlukan bertugas, bersahur dan berbuka puasa, menjamah rezeki secara ala kadar di pinggir-pinggir jalan, dalam kereta peronda, di balai-balai, malah di dalam hutan dan di lautan. Ketika majoriti kita berpakaian indah dan menikmati kemewahan juadah di pagi Raya, ramai pula anggota polis

yang menyarung uniform, ditugaskan mengawal lalu lintas atau meronda di kota dan desa, di sempadan negara sama ada di lautan, di pergunungan, mahupun di dalam hutan.

Oleh itu, ummah sewajibnya menghargai khidmat dan pengorbanan para anggota polis, demikian juga pengorbanan ahli keluarga mereka. Penghargaan ini boleh kita garap melalui;

Pertama: Meringankan tugas polis dengan mematuhi undang-undang terutama sekali ketika berada di jalan raya.

Kedua: Memberi kerjasama untuk memudahkan kerja-kerja polis dengan menyalurkan maklumat berkaitan jenayah dan perkara-perkara yang mencurigakan.

Ketiga: Menghulurkan bantuan dan sokongan apabila diperlukan oleh anggota polis.

Keempat: Menghargai khidmat dan pengorbanan anggota polis dan tidak terlalu cepat menghukum PDRM dengan imej buruk kerana perbuatan kurang berintegriti sekumpulan kecil anggota yang hilang disiplin.

Kelima: Mengiktiraf anggota polis sedang melakukan amal makruf, memenuhi tugas fardu kifayah yang amat penting, memenuhi tuntutan maqasid syariah, dipertanggungjawabkan memelihara keamanan, ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Mimbar mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Polis Diraja Malaysia, anggota dan ahli keluarga mereka, atas khidmat dan pengorbanan yang mereka abadikan kepada negara dan warga. Semoga segala khidmat dan pengorbanan mereka diterima sebagai amal makruf dan ibadah yang dilimpahi ganjaran dunia – ganjaran akhirat oleh Allah SWT.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَاَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَاَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, tautkan hati kami untuk saling membantu kerja-kerja kebaikan dan mencegah kemungkaran. Kekalkan keamanan di negara kami melalui kerjasama yang diserlahkan oleh pasukan polis dan masyarakat. Berilah perlindungan, iman yang teguh, serta kesihatan dan kekuatan tubuh badan kepada anggota pasukan Polis Diraja Malaysia untuk mengupayakan mereka melaksanakan tugas dengan tabah, cekal, berintegriti dan berkesan. Cucuri rahmat Mu kepada kalangan hamba Mu yang terkorban semasa menjalankan tugas menjaga keselamatan negara.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikan harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi umat Islam yang sedang dizalimi serta ditindas oleh musuh-musuh Islam terutamanya umat Islam di Palestin dan Iran yang kini menjadi mangsa kezaliman rejim Zionis Israel, bersama Amerika Syarikat dan sekutu mereka; limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada hamba-hamba Mu di bumi Palestin dan Iran untuk dapat kembali hidup dalam suasana yang aman, selamat serta makmur.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ﴾.